

06 SEP 1996

Mahathir-Islam

DR MAHATHIR SARAN NEGARA ISLAM PULIH KEKUATAN

KUALA LUMPUR, 6 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata negara-negara Islam perlu memulihkan kekuatan dan penguasaan mereka dalam semua bidang jika mahu dunia kembali menghormati Islam dan menghargai ajarannya.

Perdana Menteri berkata antara bidang yang mereka boleh mendapatkan semula kekuatan dan penguasaan ialah pengetahuan moden, kemahiran dalam pentadbiran, perlakuan dalam hubungan sesama mereka dan dengan pihak lain, perindustrian dan juga perniagaan.

"Orang bukan Islam tidak akan yakin dengan apa yang kita katakan mengenai kehidupan di akhirat sedangkan mereka melihat kita lemah dan terlalu tunduk kepada kehendak dunia, tidak sepadu malahan bercakaran sesama sendiri, dan tidak mengamalkan ajaran Islam seperti yang kita laung-laungkan," katanya ketika merasmikan perhimpunan agung ke9 dan sambutan ulang tahun ke15 Majlis Dakwah Serantau bagi Asia Tenggara dan Pasifik (RISEAP) di sini.

Dr Mahathir berkata dakwah terbaik ialah membuktikan menerusi amalan mengenai kebaikan Islam, tolak ansur dan simpati terhadap ummah dan orang bukan Islam yang kurang bernasib baik, keamanan dan kestabilan serta kemakmuran negara-negara Islam yang ditadbir dengan baik.

"Bagi yang mengamalkan ajaran Islam, balasan di akhirat memberi erti tetapi agak sukar untuk mengharap mereka yang tidak langsung percaya kepada akhirat untuk merasa gerun mengenai syurga dan neraka serta menghargai Islam kerananya," kata beliau.

Perdana Menteri berkata, kejayaan umat Islam dan negara-negara Islam akan membuktikan dengan lebih ketara lagi akan kebaikan Islam berbanding dengan berkhotbah mengenai ajaran Islam dan kepercayaan khasnya apabila mereka sendiri tidak mengamalkan apa yang mereka berkhotbah.

"Jika umat Islam percaya mereka boleh menjadi baik seperti yang lain dalam semua bidang dan mereka berusaha untuk mencapainya, baru mereka dapat mengembalikan kegemilangan seperti pada masa lepas.

"Insya-Allah, jika kita umat Islam benar-benar berdedikasi untuk menjelaskan Islam dengan cara yang mudah difahami melalui amalan dan pencapaian, kita pasti berjaya dalam misi kita.

"Kita semua akan menjadi mubaligh yang sebenar, bukan dengan memanggil semua untuk berbuat baik dan menolak yang jahat, tetapi dengan memastikan diri sendiri membuat baik dan menolak yang jahat," kata beliau.

Sebahagian besar ucapan Dr Mahathir mengulas mengenai pendekatan baru Riseap yang dikenali sebagai "Da'wah Bil Hal" yang menekankan - amalan baik yang setiap orang dengan sikap dan hasrat yang betul boleh membuat untuk membantu jiran terdekat dan orang lain pada masa-masa yang memerlukan.

Objektif pendekatan itu bukan untuk menarik penganut baru tetapi ia sebenarnya lebih kepada menunjukkan ajaran Islam yang sebenar. Ini bagi membetulkan tanggapan salah mengenai Islam khasnya di kalangan bukan Islam.

Dr Mahathir berkata, buat masa ini umat Islam mempunyai tanggapan salah yang sumbuhan dan simpati mereka seharusnya hanya ditujukan kepada umat Islam dan malapetaka dan nasib malang yang menimpa bukan Islam bukan hal mereka.

"Di sebaliknya, orang Islam tidak menolak bantuan dan simpati daripada mereka yang bukan Islam. Sebenarnya dalam banyak keadaan kita melihat hanya bukan Islam membantu umat Islam secara aktif sementara umat Islam sendiri mengabaikan nasib umat mereka," kata beliau.

Perdana Menteri berkata, sikap sebegini tidak memberi imej yang baik kepada Islam dan penganutnya dan umat Islam harus sedar adalah menjadi tanggungjawab mereka untuk membantu Muslimin lain dan juga bukan Islam.

"Sementara Da'wah Bil Hal mungkin bukan untuk tujuan mencari pengikut baru, ia sekurang-kurangnya boleh membantu menjana persefahaman dan penghargaan yang lebih lagi mengenai Islam dan apa maksudnya untuk menjadi seorang Muslimin," kata beliau.

Dr Mahathir berkata bahawa pada satu ketika tamadun Islam begitu dihormati kerana ia mewah daripada segi ekonomi dan arif dalam semua bidang termasuk sains dan matematik, pelayaran dan ilmu falak, kejuruteraan dan pembinaan manakala negara-negara Islam bersatu di bawah seorang Khalifah dan sangat kuat.

Bagaimanapun kemudiannya muncul golongan yang mengajar supaya dipentingkan akhirat semata-mata dan yang menganggap dunia ini dijadikan Allah untuk golongan kafir, dan disebabkan ajaran seperti ini, umat Islam mulai hilang minat untuk mempelajari perkara-perkara selain daripada yang ditakrif sebagai agama, katanya.

"Hari ini, mereka amat lemah, bergantung kepada pihak lain dan sering menjadi hamba kepada kuasa besar. Maka hilanglah kegemilangan Empayar Islam, dan bersamanya hormat terhadap Islam oleh orang bukan Islam. Malahan, ada umat Islam hilang kepercayaan terhadap Islam," kata Dr Mahathir.

Riseap adalah pertubuhan Islam yang memberi perkhidmatan kepada masyarakat minoriti Islam di Asia Tenggara dan Pasifik. Ia ditubuhkan pada 1980 hasil daripada persidangan yang dihadiri oleh pelbagai badan Islam dari negara-negara rantau ini.

Persidangan pada 1980 itu dianjurkan oleh Perkim dan Rabitah Al-Alam Al-Islami.

Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj merupakan presidennya yang pertama. Selepas beliau berundur, Ketua Menteri Sarawak Tan Sri Abdul Taib Mahmud mengambil alih sehingga sekarang.

Riseap mempunyai 50 pertubuhan Islam dari 19 negara di rantau ini sebagai gabungan.

Lebih 100 orang menghadiri perhimpunan agung kali ini selama lima hari.

AFY PR MAI